

Headline	Titian Kanopi FRIM Mencari Sebuah Keberaniaan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia	Color	Full Color
Date	27 Dec 2015	Circulation	171,663
Section	Dlm Negeri	Readership	563,000
Page No	38	ArticleSize	880 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 19,826
Journalist	SITI HAFSYAH IDRIS	PR Value	RM 59,478
Frequency	Daily		



## DESTINASI

# Titian Kanopi FRIM: Mencari Sebuah Keberaniaan

Oleh SITI HAFSYAH IDRIS  
Pembaca Mingguan Malaysia

RISAU boleh membuat hidup sengsar kerana cemas, khawatir serta takut yang sentiasa membelenggu. Salah satu cara mengurangkannya adalah menghadapinya perlahan-lahan. Antara ketakutan penulis ialah ketiangan dan kedalaman. Keinginan menghadapi ketakutan membawa penulis dan keluarga ke Hutan Simpan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Destinasi di dalam negara tanpa perlu berbelanja besar.

### WARISAN SEMUA JADI

FRIM sebuah institusi penyelidikan perhutanan tropika terkemuka dunia. Dahulu bekas lombong, mulai 1929 berubah menjadi pusat penyelidikan perhutanan dan kini, antara santuari tumbuhan hidup tertua dan terpenting dunia.

FRIM terletak di kawasan seluas 545 hektar bersebelahan Hutan Simpan Bukit Lagong, Kepong, 16 km barat laut Kuala Lumpur. Terdapat kira-kira 15 juta pokok terpelihara dan dibahagikan kepada 2,500 spesies berlainan. FRIM bukan sahaja dikenali sebagai pusat penyelidikan, tetapi destinasi popular warga tempatan dan pelancong asing menikmati kepelabuhanan dan keunikan flora serta fauna.

FRIM diwartakan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada 10 Februari 2009 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, dan disisiharkan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah akta sama pada 10 Mei 2012.

### KEHILAUAN HUTAN BATU

Setiap kenderaan yang masuk FRIM dikenakan bayaran masuk RM4 kereta dan RM1 seorang dewasa. Sebaliknya menjakkan kaki, penulis disambut rimbaun pokok tinggi menjulang ke langit, tumbuhan renek sebagai lantai hutan serta udara segar dan tiupan angin sepoi bahasa. Berada di dalam kawasan ini, seolah-olah berada



MENJELAJAH hutan simpan FRIM.



KAWASAN air terjun yang terdapat di FRIM.

### SUASANA DI KAWASAN AIR TERJUN AMAT SEGAR DAN MENENANGKAN MINDA SELESP PERJALANAN MEMENAKTAN DAN MENCABAR.



dalam hutan hujan Khatulistiwa. Ia menyimpan pelbagai khasanah hutan yang jarang dilihat oleh generasi kini.

Selain tempat riadah, kawasan ini mampu menanam rasa cinta terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar. Pengelahan dan pemeliharaan hutan penting sebagai kelestarian generasi kini dan akan datang.

Antara tarikan pengunjung ialah kawasan perkhemahan, perkelahan air terjun, rumah tradisional Melayu, taman botani, aktiviti jogging, hidupan liar, danai dan aktiviti alam, berbasikal serta aktiviti mencabar mendaki trek hutan hujan dan meniti Titian Kanopi di puncak pokok.

Pengunjung boleh melawat Muzium dan Galeri Penyelidikan FRIM. Muzium ini dapat dimanfaatkan oleh generasi masa kini dan akan datang sebagai pusat rujukan warisan tidak ternilai melalui maklumat kepelbagaian flora dan fauna termasuk kayu-kayan, hasil hutan dan juga serangga yang hanya terdapat di Malaysia.

### TREK MINDA DAN FIZIKAL

Kami mulakan perjalanan ke Titian Kanopi menelusuri trek pejalan kaki. Kami terletak selepas Pusat Perkhidmatan. Setempat sebelum kolam ikan besar berhampiran masjid FRIM. Dahan

pokok besar memayungi trek sepanjang perjalanan. Tidak terlalu curam, terasa seolah-olah melakukan aktiviti memanjat bukit. Trek ini adalah tarikan utama pengunjung, hanya untuk mereka yang berani dan sihat fizikal dan mental. Jika tidak gemar cabar, trek ini tidak sesuai, kerana dilahiruti oleh pitam. Memandangkan penulis ingin mencabar ketakutan, sungguhpun pengecut dan kurang bersenam, penulis berazam memahabiskan perjalanan hingga ke Titian Kanopi.

Jika memilih meniti Titian Kanopi, laluan akan berpecah dan perlu melalui laluan agak sempit dan berbatu ke jambatan tersebut. Laluan ini mengambil masa 30 minit. Penulis perlu melalui laluan curam di celah pokok besar, melangkah akar pokok dan batu-batu, termasuk melalui beberapa anak sungai. Terdapat bangku batu atau dahan pokok di beberapa bahagian, di mana penulis dapat merehatkan diri sebelum meneruskan perjalanan.

Pendakian trek berbukit, lembab dan hangat sangat memenakan dan menduga kelelahan mental. Ada laluan mendatar dan sempit berbatu atau berakar pokok, malah ada laluan agak licin dan sangat curam. Waspada setiap masa.

### JAMBATAN gantung di FRIM dapat mengelakkan perasaan takut pada tempat tinggi.

### TITIAN KANOPI

Titian Kanopi yang dibina pada tahun 1992 mempunyai lima titian. Setiap titian mampu menampung tiga hingga empat orang pengunjung dengan jarak 10 langkah setiap orang dalam satu masa. Untuk menaiki Titian Kanopi, tiket dijual di kawasan Pusat Perkhidmatan Setempat dengan harga RM5 seorang.

Kami sampai di jambatan Titian Kanopi selepas 30 minit menghajari trek mencabar. Terdapat satu pondok kecil check point selepas memulakan perjalanan di atas jambatan Titian Kanopi.

Dua orang petugas memberikan taklimat keselamatan. Pastikan jarak, tidak berlari atau bergambar di atas jambatan. Terdapat tiga platform tinjau di antara titian yang terletak di atas puncak pokok, bagi memudahkan pengunjung berjalan dan merakam detik indah sepanjang lahan. Hanya dihadiah untuk beberapa orang dalam satu masa demi keselamatan. Dalam setiap hari, hanya 250 orang pengunjung dibenarkan meniti jambatan ini.

Ia seakan-akan jambatan gantung bertali ala-Indiana Jones dengan ketinggian 30 meter dari arah tanah. Titian Kanopi ini panjangnya 150 meter dan disokong menara-menara besar, lantainya kepingan Chengal dan jaring kukuh di dalam pokok besar. Di bawah jambatan terdapat pelbagai pokok hutan besar menutupi bumi. La menghalang jambatan dan menghalang perjalanan yang ditawarkan oleh FRIM untuk kajian flora dan fauna.

Bagi mereka yang takut ketinggian dan kedalaman, ia menakutkan. Hampir beberapa kali saya membatalkan hasrat meneruskan perjalanan di titian, namun sokongan suami dan anak-anak serta petugas, meningkat semula semangat. Penulis melangkah di Titian Kanopi sambil memejamkan mata, tidak memandang bawah. Takut tali

### AIR terjun yang jernih di FRIM.

putus. Jambatan ini dibina dengan teliti dan selamat dan terdapat jaring serta tali di jambatan yang akan menampung berat jika kejadian tidak diingini berlaku. Jika minda kita fokus, insya-Allah semuanya selamat.

Sepanjang perjalanan di atas jambatan (sekitar beranjang selangkah), akan nampak jelas pemandangan di ibu kota Kuala Lumpur, pemandangan indah dan mengasyikkan. Perjalanan di atas Titian Kanopi mengambil masa 15 hingga 20 minit untuk ke penghujung.

### AIR TERJUN

Di penghujung Titian Kanopi, kami menuruni tangga ke trek pejalan kaki dan menuruni bukit lebih curam berbanding pendakian. Perjalanan menurun trek lebih memenakan dan menduga kesabaran berbanding mendaki. Namun, deruan air terjun membuatkan kami bersemangat menghabiskan perjalanan dan bermakan air terjun.

Tiba di rumah pan dan air terjun, kami meneruskan perjalanan di laluan agak sempit untuk meminimasi air terjun yang cantik dan asli. Air terjun Sungai Kroh dalam kawasan hutan ini merupakan salah satu destinasi tumpuan bagi yang ingin mencari kedamaian di hutan rimba pada hujung minggu.

Suasana di kawasan air terjun amat segar dan menenangkan minda selepas perjalanan memenakan dan mencabar. Kawasan air terjun ini tidak ramai pengunjung, dan airnya sangat bersih, nyaman dan sejuk. Anda boleh bersantai atau sekadar duduk di bawah air terjun.

Selepas bermandi-manda di air terjun, kami meneruskan perjalanan menuju trek pejalan kaki ke kawasan perhutanan dan makan makan tengahari.